

Anggaplah diri sebagai ejen perubahan: PM

B.H - 9 JUL 1989

KUALA LUMPUR: Negara memerlukan pegawai dan kakitangan kerajaan yang komited terhadap tugas dan bukan yang mengamalkan sikap makan gaji semata-mata, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sikap makan gaji tidak akan menguntungkan sesiapa malah akan melewati perubahan dan pembangunan kepada rakyat, kata Perdana Menteri ketika merasmikan Kursus Orientasi Kementerian Pertanian Malaysia selama dua hari, bermula semalam, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

"Setiap kakitangan kerajaan hendaklah menganggap mereka sebagai ejen perubahan yang cuba mengubah sikap dan pemikiran rakyat, khususnya kalangan petani dan nelayan, bagi menjayakan pembangunan negara.

"Kumpulan pakar, juruteknik dan kakitangan pengembangan yang lain mempunyai tugas untuk melakukan perubahan serentak di kalangan rakyat, bukan hanya melaksanakan dasar kerajaan melalui percubaan dan kesilapan," katanya.

Kerana itu, beliau menegaskan 'revolusi pemikiran' perlu diperkenalkan di ka-

langan kakitangan kerajaan, bukan hanya di kalangan rakyat.

"Proses ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian keadaan sebelum kemajuan dan pembangunan diterapkan kepada rakyat," kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir menyeru kakitangan kerajaan supaya menyesuaikan diri mereka dengan alam sekeliling kerana ia penting untuk menjayakan proses pembaharuan dalam pembangunan.

"Masyarakat nelayan dan petani perlu digerakkan supaya mereka berlumba-lumba mengejar kemajuan bukan menunggu pertolongan kerajaan semata-mata.

"Bagaimanapun, sekiranya kakitangan kerajaan sendiri tidak mempunyai semangat yang sama, bagaimana sikap itu boleh diterapkan di kalangan petani dan nelayan?"

Menurut beliau, mereka yang bersikap sebegini perlu diorientasikan semula supaya sesuai dengan kehendak masyarakat dan negara. Yang penting, katanya, mereka dapat menerima dan melaksanakan perubahan-perubahan yang dikehendaki.